

Publication: Berita Harian Date: 16 August 2021

Headline: Challenge self to continue pursue knowledge



SENTIASA DAHAGA ILMU: Encik Darius terus menimba ilmu untuk mendalami kemahiran dan pengetahuannya. - Foto SMRT

Cabar diri sendiri untuk terus buru ilmu

NORHAIZA HASHIM

norhaiza@sph.com.sp

BUKAN satu tetapi dua siiil pos siswazah diambil Encik Darius Iskan-dar Reduan walaupun baru setahun lulus dengan ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan di Universiti Nasional Singapura (NUS)

Semangat menimba ilmu meng tersemat dalam diri jurutera SMRT itu bagi meningkatkan ilmu dan kemahirannya.

Selepas mengambil Sijil Pos-Siswazah Dalam Analitik Data dan Visualisasi secara sambilan di NUS yang dibiayainya sendiri, beliau kini mahu pula mengambil Sijil Pos-Siswazah dalam Teknologi Rel Ban-daran di Institut Teknologi Singapu-

uaran di institut Teknologi, Singapu-ra (STT) yang dibiayai majikannya. "Saya yakin pembelajaran meru-pakan satu perjalanan yang tidak henti dan saya mencabar diri saya untuk belajar seberapa banyak yang

mungkin. "Tambahan pula, teknologi akan terus maju ke hadapan, sijil-sijil pos-siswazah ini akan membantu saya meningkatkan tugas saya," kata En-cik Darius, 26 tahun, seorang jurutera SMRT

"Saya yakin pembelajaran merupakan satu perjalanan yang tidak henti dan saya mencabar diri saya untuk belajar seberapa banyak yang mungkin. Tambahan pula, teknologi akan terus maju ke hadapan, sijil-sijil pos-siswazah ini akan membantu saya meningkatkan tugas

- Encik Darius Iskandar Reduan.

bawah skim Kejuruteraan dan Pengurusan Bersekutu yang menyedia-kan laluan kerjaya dan peluang ber-stuktur dan SMRT akan membayar

stuktur dan SMRT akan membayar pengajiannya itu.

Ditanya mengapa beliau memilih kursus Teknologi Rel Bandaran bagi kursus pos-siswazahnya yang ke-dua, Encik Darius, yang masih bu-jang, berkata ia akan dapat me-ningkatkan pengetahuannya dalam bidang industri rel.

Mempunyai latar belakang dalam bidang kejuruteraan mungkin cukup untuk bermula dalam industri itu tetapi sijil pos-siswazah dalam k Darius, 26 tahun, seorang ju-tera SMRT.

Beliau menyertai SMRT di rel.

Ini akan membantu beliau mencari jalan bagi membaiki dan mem-bantu SMRT menyediakan perjalan-an yang selamat dan berkesan bagi

penumpang. Justeru, bidang pelajarannya itu amat relevan dengan apa yang di-lakukan di tempat kerja dan bukan hanya bersifat teori sahaja.

Misalnya, modul dalam penguru-san aset dan kejuruteraan pengen-dalian amat relevan dengan skop pekerjaannya dalam bidang pengendalian.

danan.
"Saya berharap dapat meningkat-kan pemahaman dalam strategi pe-ngurusan aset dan menggunakan apa yang saya pelajari di tempat ker-ja," tambah.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings. Reproduced with permission.